

NILAI TAMBAH (ADD-ON)



myHRMIS Cuti

Aplikasi myHRMIS Cuti versi **android** dan **iOS** merupakan satu inovasi baharu yang dibangunkan oleh JPA untuk menyokong inisiatif myGov Mobile MAMPU bagi membolehkan penjawat awam membuat permohonan cuti rehat, menyemak status cuti, menyemak kelayakan cuti, menyokong cuti dan melulus cuti melalui platform mudah alih.



myHRMIS Profil

Aplikasi myHRMIS Profil versi **android** dan **iOS** merupakan satu inovasi baharu yang dibangunkan oleh JPA untuk menyokong inisiatif myGov Mobile MAMPU bagi membolehkan penjawat awam menyemak Maklumat Peribadi, Maklumat Pendidikan, Maklumat Keluarga, Maklumat Anugerah, Maklumat Latihan dan Maklumat Sejarah Perkhidmatan melalui platform mudah alih.

Muat turun myHRMIS Cuti dan myHRMIS Profil



* Pengguna Kali Pertama perlu membuat pendaftaran pengguna. Pastikan nombor telefon bimbit adalah sama dengan nombor yang didaftarkan di Rekod Peribadi HRMIS.

NILAI TAMBAH (ADD-ON)



myHRMIS eGL

Aplikasi myHRMIS eGL versi **android** dan **iOS** merupakan satu inovasi baharu yang dibangunkan oleh JPA untuk memaparkan rekod Surat Pengesahan Diri dan Pengakuan Pegawai (GL) untuk penjawat awam sebagai kaedah alternatif kepada eGL online atau manual. Maklumat yang terkandung dalam aplikasi ini diambil dari Sistem HRMIS.

MyHRMIS eGL:

1. Memaparkan maklumat peribadi, profil perkhidmatan, gaji pegawai.
2. Menjana eGL.
3. Memaparkan maklumat keluarga pegawai.

Muat turun myHRMIS eGL



* Pengguna Kali Pertama perlu membuat pendaftaran pengguna. Pastikan nombor telefon bimbit adalah sama dengan nombor yang didaftarkan di Rekod Peribadi HRMIS.



SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT SUMBER MANUSIA

*Human Resource Management
Information System*



PENGENALAN

HRMIS 2.0 merupakan versi HRMIS yang ditambahbaik dengan ciri-ciri seperti berikut:

- 1) Pelbagai Pelayar
- 2) Pelbagai Platform
- 3) Pelbagai Peranti
- 4) Mesra Pengguna

MODUL


HRMIS 2.0 memberi kemudahan pengguna dalam menggunakan perkhidmatan menerusi 25 Modul/Submodul iaitu:

- | | |
|--|--|
| 1) Sekuriti | 17) Laporan Penilaian Prestasi Tahunan |
| 2) Aliran Kerja | 18) Penamatan |
| 3) Data Perjawatan | 19) Anugerah |
| 4) Rekod Peribadi | 20) Pengurusan Cemerlang |
| 5) Profil Perkhidmatan | 21) Pingat Perkhidmatan |
| 6) Perisytiharan Harta | 22) Pengurusan Cemerlang |
| 7) Pengurusan Cuti | 23) Kenaikan Pangkat |
| 8) Profiling JUSA | 24) Peperiksaan |
| 9) Pertukaran | 25) Pengurusan Perkhidmatan |
| 10) Direktori Kerajaan | 26) Pengurusan Pinjaman |
| 11) Pengurusan Perubatan | 27) Kajian Data Saraan |
| 12) Pengurusan Tuntutan & Pendahuluan Diri | |
| 13) Pengurusan Perhubungan Majikan-Pekerja | |
| 14) Pengurusan Tatatertib | |
| 15) Penilaian Landasan Kerjaya | |
| 16) Sasaran Kerja Tahunan (SKT) | |


CAPAIAN

1 Melalui Portal HRMIS 2.0
<http://www.eghrmis.gov.my/>


Klik **2.0**




2 Log Masuk Pengguna
Masukkan nombor kad pengenalan dan kata laluan HRMIS.



3 Pilih Modul
Laman Utama (Grid)



Pilih Modul
Laman Utama (Ikon)



4 Menu Sebelah Kiri (Left Menu)
Gerakkan kursor tetikus di atas fungsi untuk memilih menu.

